

# Kesediaan Sikap Guru Bahasa Melayu Dalam Program Peningkatan Profesionalisme Anjuran Pihak Luar

Lydiawati Wakanan & Zamri Mahamod

**Abstrak-** Program Peningkatan Profesionalisme merujuk kepada Komuniti Pembelajaran Profesionalisme @ Profesional Learning Community (PLC) sebagai wahana untuk mempertingkatkan kemahiran dalam bidang yang sama, tindakan untuk ingin tahu dan perkongsian maklumat. Kajian ini bertujuan untuk meninjau tahap kesediaan sikap guru-guru bahasa Melayu dalam menghadiri program peningkatan profesionalisme untuk meningkatkan bahasa Melayu. Kajian ini juga melihat hubungan kesediaan dengan sikap guru bahasa Melayu dalam memberikan latihan di tempat kerja kemahiran berbahasa Melayu dipertingkatkan. Kajian tinjauan ini melibatkan seramai 50 orang responden kajian guru Bahasa Melayu dari setiap sekolah di Daerah Sepang yang melibatkan 12 buah sekolah. Kajian ini dijalankan dengan menggunakan set soal selidik yang diubah suai daripada kajian Rohaida (2017) yang dinilai dengan alpha Cronbach. Data yang diperolehi dianalisis dengan menggunakan *Statistic Package for Social Science (SPSS) 25.0*. Data dianalisis secara analisis deskriptif. Dapatan kajian menunjukkan bahawa guru-guru bahasa Melayu telah bersedia untuk menghadiri program peningkatan profesionalisme dari aspek kesediaan sikap guru bahasa Melayu adalah tinggi dengan min 4.346, manakala kesediaan guru untuk mendapatkan program profesionalisme anjuran pihak luar masih tahap sederhana iaitu min 3.104. Kepentingan kajian ini adalah kepada guru, institusi pendidikan, dan masyarakat.

**Kata kunci:** kesediaan sikap, program peningkatan profesionalisme, pihak luar

## I. PENGENALAN

Program peningkatan profesionalisme merujuk kepada program perkembangan yang terkini dalam arus pendidikan ialah pengenalan Komuniti Pembelajaran Profesional atau Profesional Learning Community (PLC) sebagai pemudah cara pengajaran dan pembelajaran (PdPc) abad ke-21. Menurut DuFour & Eaker (1998) PLC merujuk kepada tiga iaitu profesional: seseorang yang memiliki kemahiran atau latihan dalam bidang yang sama; pembelajaran: tindakan berterusan untuk mengatasi rasa ingin tahu; dan komuniti: sekumpulan manusia yang mempunyai hasrat yang dikongsi bersama-sama.

Tujuan latihan peningkatan profesionalisme dilaksanakan adalah untuk meningkatkan pengetahuan profesional, peningkatan prestasi kerja, meningkatkan pendidikan guru di samping meningkatkan kesediaan guru untuk menghadapi perubahan dalam pendidikan di Malaysia (Siti Nur Aisyah & Ahmad Zabidi, 2014) yang turut dinyatakan oleh Shanti (1998) bahawa program peningkatan profesionalisme dapat menepati kehendak dan keperluan dalam meningkatkan

profesionalisme di tempat kerja. Oleh sebab itu, kepentingan seseorang untuk menghadiri peningkatan profesionalisme boleh membantu para guru dalam membina bentuk pengajaran yang berupaya menjadikannya pendidik yang berkemahiran terhadap bidang kepakarannya, berpengetahuan secara mendalam akan bidang, dan menyebarkan kemahiran yang diperolehi daripada latihan peningkatan profesionalisme kepada rakan sejawatan. Majlis Mesyuarat Profesional Khas, KPM bertarikh 21 Ogos 2007 telah meluluskan kertas cadangan konsep Pengoperasian Latihan Peningkatan Profesionalisme Bidang Pengajaran dan Pembelajaran bagi pegawai perkhidmatan pendidikan (PPP).

Perancangan pendidikan melalui Pelan Pembangunan Pendidikan 2013 hingga 2025 yang menetapkan lima strategi iaitu i: menambah baik sekolah secara berterusan, ii: menjalankan kajian tindakan yang berterusan, iii: mengurus sekolah dengan cekap dan produktif, iv: membangunkan kapasiti manusia dalam kalangan komuniti sekolah, dan v: membangunkan sekolah sebagai organisasi pembelajaran. Sehubungan itu, Kementerian Pelajaran Malaysia melaksanakan program-program pendidikan untuk menjadi penada aras kepada sekolah agar membudayakan komuniti pembelajaran profesional. Mengikuti kajian Zuraidah (2009) perkara utama ke arah pengembangan budaya belajar tahap tinggi perlulah melalui komuniti pembelajaran profesional yang perlu dijalankan secara kolaboratif.

Sejajar dengan perubahan dalam pendidikan yang semakin pesat dengan pelbagai pembaharuan atau reformasi, pelaksanaan pembangunan profesional yang berkesan sangat penting untuk menyediakan guru daripada semua peringkat sama ada peringkat dalaman atau pun penyertaan bagi pembangunan profesionalisme di peringkat organisasi luar secara percuma atau pun berbayar. Hal ini demikian kerana ada dalam kalangan guru dan organisasi berpandangan bahawa keperluan menghadiri kursus peningkatan profesional anjuran pihak luar untuk memastikan institusi sekolah dan tenaga pengajar dapat meningkatkan pencapaian yang optimum di samping memupuk budaya kerja kelas pertama dengan penyediaan mental dalam menghadapi generasi abad ke-21.

Program peningkatan profesionalisme anjuran pihak luar merupakan pelengkap dan menjadi penambah kepada kursus yang ditawarkan sedia ada namun tidak diperolehi semua guru kerana penglibatan hanya khusus kepada beberapa orang sahaja bagi satu-satu kursus yang ditawarkan oleh pihak KPM, JPN, PPD, dan ajuran organisasi pendidikan. Terdapat guru cemerlang, SISC+ dan guru pakar bahasa dan guru inovasi yang mengadakan perkongsian ilmu kepada guru-guru bahasa. Program berkenaan dilaksanakan pada hari Sabtu dan Ahad serta cuti penggal persekolahan tanpa

mengganggu sesi pengajaran dan pembelajaran dan tugas rasmi guru di sekolah. Antara program peningkatan profesionalisme yang ditawarkan kepada guru-guru ialah Rumah Kod (badan NGO) yang merupakan organisasi yang menyusun program untuk guru seluruh Malaysia yang menganjurkan EdTech Day setiap tahun. Antara program yang diberikan ialah aplikasi dalam pengajaran guru dan alat peranti sosial yang boleh diguna pakai dalam pengajaran abad ke-21. Selain itu, Program Belajar subtopik tingkatan 4 dengan menggunakan Teknik Remember in 2 Minutes Bahasa Melayu dan Sejarah oleh Guru Cemerlang Bahasa Melayu dan Guru Pakar Sejarah yang berpengalaman mengajar mata pelajaran Sejarah selama 32 tahun dengan kadar RM 40.00 seorang bertempat di Petaling.

## II. PENYATAAN MASALAH

Guru terlalu bergantung kepada penyediaan kursus yang disediakan oleh pihak Kementerian Pendidikan Malaysia, Pejabat Pelajaran Daerah, Bahagian Teknologi Pendidikan, dan Jabatan Pelajaran Negeri. Perkara ini dapat dijelaskan dalam kajian Nur Hawa Hanis & Ghazali (2018) menyatakan bahawa pelaksanaan Kemahiran Berfikir Aras Tinggi dalam pengajaran hanya pada tahap sederhana kerana kerana kebergantungan guru kepada kursus dan latihan yang disediakan sahaja malahan kursus dalaman sukar dilaksanakan kerana pengetahuan guru tentang Kemahiran Berfikir Aras Tinggi masih berkurangan. Hal tersebut menyumbang kepada pencapaian pelajar terutama dalam arus pendidikan abad ke-21.

Selain itu, kurangnya galakan dan sokongan daripada pihak pentadbiran sekolah untuk guru-guru menghadiri kursus luar. Hal ini disebabkan faktor kekurangan guru di sekolah seperti merujuk kepada dapatan daripada Organisation for Economic Co-operation and Development (2009) mendapati bahawa di Malaysia iklim sekolah terbahagi kepada tiga faktor bagi guru iaitu lewat sampai di sekolah (13.2 peratus), guru tidak hadir (19.5 peratus), dan guru kurang persediaan pedagogi (30.2 peratus). Perkara ini menunjukkan bilangan keberadaan guru agak kritikal menyebabkan pihak pengurusan sekolah menghadkan guru-guru menghadiri latihan atau kursus di peringkat luar atau yang dianjurkan oleh agensi-agensi luar kerana ketiadaan guru di sekolah boleh menyebabkan guru lain diberikan jadual sebagai guru ganti. Kelas guru ganti boleh menjejaskan emosi guru yang mengganti guru lain kerana menjadi penambahan tugas yang sedia ada.

Di samping itu, guru-guru juga tidak mahu menghadiri latihan luar kerana kekangan beban tugas yang berat. Menurut Menteri Pendidikan, Dr Maszlee Malik, sebanyak 4.4 peratus atau 2,123 daripada 48,258 guru dikenal pasti mengalami stres tahap sederhana tinggi tahun 2018. Konsep ini selari dengan beban tugas dalam kajian Azreen Harina, Norudin dan Zuraida (2016) mengatakan bahawa beban tugas tenaga pengajar atau guru boleh didefinisikan sebagai semua tugas yang dilakukan oleh mereka sama ada yang berkaitan dengan PdPc ataupun di luar PdPc. Norashid dan Hamzah (2014) dalam kajian mereka juga turut membahagikan beban tugas guru kepada dua bahagian, iaitu beban tugas yang bersifat akademik serta beban tugas bukan

akademik. Secara umumnya, beban tugas guru yang bersifat akademik adalah meliputi tiga bahagian, iaitu mengajar, memberikan tugas kepada para pelajar, dan juga mengendalikan ujian atau peperiksaan manakala beban tugas bukan akademik pula merujuk kepada tugas-tugas yang berkaitan dengan pengurusan pentadbiran, hal ehwal murid, dan pengurusan kokurikulum. Kenyataan ini disokong oleh Tugimin (2009) lagi, setiap guru mempunyai beban tugas yang melibatkan kurikulum, kokurikulum, pembentukan sahsiah murid dan tugas-tugas perkeranian. Selain itu, terdapat guru Bahasa Melayu yang suka bekerja secara bersendirian. Hal ini demikian menyebabkan pelaksanaan peer coaching tidak dapat dilaksanakan dengan sebaiknya kerana kurang mendapat kerjasama dalam kalangan guru Bahasa Melayu. Menurut Siti Nafsiah et al. (2018) menyatakan bahawa guru tidak terbuka untuk mengamalkan budaya perkongsian dengan rakan sejawatan di sekolah. Tambahan pula, terdapat guru yang selesa dan sehati dengan dengan pengetahuan yang dimiliki. Melvina Chung & Jamaludin (2010) menyatakan bahawa sikap negatif guru menyebabkan guru sukar untuk menyesuaikan diri dengan teknologi instruksional dan juga arus globalisasi pendidikan hari ini. Malahan dalam kajian Dima, Abdul Rasid & Shamsudin (2016) mendapati bahawa pengkaji mendapati tidak banyak sekolah yang melaksanakan Komuniti Pembelajaran Profesional (KPP) untuk meningkatkan kemahiran guru mengajarkan Bahasa Melayu di sekolah menengah harian biasa di Kedah.

## III. OBJEKTIF

Kajian ini mengkaji kesediaan sikap guru untuk menghadiri latihan program peningkatan profesionalisme. Secara khusus, kajian ini bertujuan untuk:

- i. mengenal pasti kesediaan guru yang pernah menghadiri latihan program peningkatan profesionalisme anjuran pihak luar.
- ii. mengenal pasti sikap, kesediaan guru untuk berkongsi pengetahuan dengan guru lain.

## IV. METODOLOGI

Kajian ini menggunakan reka bentuk kajian tinjauan dengan menggunakan soal selidik Skala Likert. Kaedah tinjauan ini dijalankan semasa Program Belajar subtopik tingkatan 4 dengan menggunakan Teknik Remember in 2 Minutes Bahasa Melayu dan Program Sembang-sembang Sejarah di Persatuan Sejarah Malaysia di Kuala Lumpur dan guru bahasa Melayu di sekitar daerah Sepang, Selangor. Soal selidik diedarkan dalam program tersebut kerana jempukan untuk Program Sembang-sembang Sejarah ialah YBhg. Prof. Emeritus Dato' Asmah Haji Omar yang merupakan pakar nahu bahasa Melayu dan tokoh bidang perancangan bahasa.

Sampel kajian ini melibatkan seramai 50 orang responden kajian yang terlibat iaitu guru-guru bahasa Melayu (Ketua Panitia Bahasa Melayu) daerah Sepang, Selangor yang menghadiri Program Peningkatan Profesionalisme anjuran Dewan Bahasa dan Pustaka.

Instrumen Kajian ini menggunakan soal selidik sebagai alat untuk mengumpulkan data. Terdapat beberapa kelebihan menggunakan soal selidik sebagai alat kajian iaitu soalan adalah dalam bentuk piawai dan seragam untuk semua sampel yang dipilih dalam kajian ini. Jelaslah, penganalisan data mudah dijalankan dengan menggunakan soal selidik. Soal selidik ini diubah suai daripada kajian terdahulu iaitu kajian Rohaida (2017). Instrumen kajian ini terdiri daripada empat bahagian iaitu Bahagian A: Demografi Responden, Bahagian B: Sikap Peserta Menghadiri Program Berkaitan Bahasa Melayu, Bahagian C: Kesiediaan dalam Pemupukan Program Luar dalam Mempertingkatkan Pengetahuan Bahasa, dan Bahagian D: Pengetahuan Peserta dalam Penggunaan Bahasa Melayu. Skala pengukuran yang digunakan ialah 1: sangat tidak penting, 2: tidak penting, 3: tidak pasti, 4: penting, dan 5: sangat penting. Soal selidik diperkukuh dengan temu bual berstruktur. Instrumen kajian yang digunakan dalam kajian ini merupakan soal selidik yang diubah suai daripada kajian Rohaida (2017) yang telah memperoleh hasil analisis alpha Cronbach bagi tahap pengetahuan ialah 0.917 dan kesiediaan ialah 0.919. Hasil keputusan tersebut membolehkan instrumen soal selidik tersebut boleh digunakan dalam kajian sebenar. Soal selidik dan temu bual telah disahkan oleh pakar.

## V. DAPATAN KAJIAN

Kaedah persampelan bertujuan digunakan untuk memilih responden. Responden kajian ini merupakan Ketua Panitia Bahasa Melayu Daerah Sepang, Selangor. Analisis deskriptif dilakukan bagi menjawab persoalan kajian. Kajian ini melibatkan demografi responden dan pemupukan program peningkatan profesionalisme anjuran pihak luar dalam kalangan guru. Analisis yang dijalankan terhadap data yang diperolehi dengan menggunakan perisian komputer Statistical Packages of Sosial Sciences for Window 25.

Deskriptif statistik digunakan dalam memberikan gambaran yang ringkas dan jelas berkenaan keseluruhan data yang meliputi frekuensi, peratusan, min dan sisihan piawai. Pada peringkat ini, kajian membincangkan demografi responden dan juga taburan skor bagi pemupukan program peningkatan profesionalisme luar untuk mempertingkatkan pengetahuan Bahasa Melayu berdasarkan aspek kesiediaan sikap guru-guru Bahasa Melayu terhadap Program Peningkatan Profesionalisme.

### Profil Demografi Responden

Demografi responden adalah terdiri daripada jantina, umur, kelulusan tertinggi, tahap kelulusan Bahasa Melayu dan tahap penguasaan bahasa Melayu yang terdiri daripada 50 orang responden.

Jadual 1 adalah menunjukkan taburan demografi responden dalam kajian ini. Berdasarkan jadual tersebut bilangan responden perempuan adalah mendominasi dalam kajian ini iaitu seramai 43 orang (86%). Manakala bilangan responden lelaki mencatatkan 7 orang (14%).

Bagi kategori umur memperlihatkan bahawa majoriti responden adalah berumur antara 41 hingga 50 tahun iaitu 20 orang (40%). Selain itu responden yang berumur antara 31 hingga 40 tahun mencatatkan 15 orang (30%). Manakala responden yang berumur kurang 30 tahun mencatatkan bilangan yang paling rendah iaitu 12 orang (24%) dan diikuti dengan responden yang berumur melebihi 50 tahun dengan 3 orang (6%).

Aspek kelulusan tertinggi, bilangan kelulusan ijazah Pendidikan mengatasi bilangan kelayakan-kelayakan lain iaitu 26 orang (52%) serta kelulusan Sarjana Pendidikan iaitu 22 orang (44%) manakala kelulusan Diploma dan lain-lain kelulusan dengan 2 orang (2%).

Taburan responden dari sudut tahap kelulusan Bahasa Melayu memperlihatkan bahawa 5 orang (10%) dari sekolah menengah, 9 orang (18%) dari IPG, dari universiti seramai 35 orang (70.0%) dan lain-lain tempat adalah 1 orang (2%). Berdasarkan dapatan menunjukkan majoriti responden adalah dari universiti dan minoriti adalah dari sekolah menengah dan lain-lain tempat. Hal ini menjelaskan bahawa responden adalah mempunyai pendidikan Bahasa Melayu menyebabkan tahap penguasaan Bahasa Melayu adalah sangat fasih berbahasa Melayu sebanyak 70 %.

JADUAL 1: PROFIL DEMOGRAFI RESPONDEN (N=50)

Demografi	Kategori	Kekerapan	Peratusan
Jantina	Lelaki	7	14.0
	Perempuan	43	86.0
Umur	Kurang 30 tahun	15	30.0
	31-40 tahun	12	24.0
	41-50 tahun	20	40.0
	Lebih 50 tahun	3	6.0
Kelulusan Tertinggi	Diploma	1	2.0
	Ijazah Pendidikan	26	52.0
	Sarjana Pendidikan	21	42.0
	Lain-Lain Kelulusan	2	4.0
Tahap Kelulusan Bahasa Melayu	Sekolah Menengah	5	10.0
	IPG	9	18.0
	Universiti	35	70.0
	Lain-Lain	1	2.0
Tahap Penguasaan Bahasa Melayu	Sangat Fasih	48	96.0
	Fasih	2	4.0

### Sikap Guru Terhadap Program Peningkatan Profesionalisme untuk Meningkatkan Pengetahuan Bahasa Melayu

Bagi menjawab persoalan kajian berhubung dengan sikap guru dan bukan guru terhadap program peningkatan profesionalisme untuk meningkatkan pengetahuan bahasa. Analisis skor min dan sisihan piawai telah dijalankan. Berdasarkan Jadual 2, keseluruhan dapatan menunjukkan

bahawa responden menyatakan terlalu penting terhadap sikap peserta menghadiri program berkaitan bahasa Melayu (M=4.294). Min yang tertinggi menunjukkan bahawa responden terlalu penting terhadap “Saya fasih bertutur dalam bahasa Melayu” dan ‘Saya bertutur dalam bahasa Melayu di rumah” (M=4.82) serta “Saya menggunakan bahasa Melayu dalam pertuturan saya” dengan M=4.8. Manakala min bagi “Saya membaca surat khabar/ majalah/ buku dalam talian yang berbahasa Melayu” (M=3.68). Dapat disimpulkan bahawa sikap peserta ini menunjukkan responden amat penting dalam menghadiri program berkaitan bahasa Melayu bagi setiap pernyataan tersebut. Bagi “ Saya suka menghadiri program berkaitan bahasa Melayu dan Saya berusaha untuk menghadiri untuk menyertai program/ bengkel/ kursus berkaitan bahasa Melayu menunjukkan M=3.98 dan M=3.88. Secara terperinci menunjukkan bahawa kebanyakan responden amat penting terhadap “Saya berminat untuk mengetahui maklumat berkaitan isu bahasa Melayu”, dan “Saya berminat untuk menyertai program/ bengkel/ kursus berkaitan bahasa Melayu” menunjukkan min adalah melebihi 4.0.

JADUAL 2: TABURAN KEKERAPAN SIKAP PESERTA MENGHADIRI PROGRAM BERKAITAN BAHASA MELAYU

Pernyataan	1	2	3	4	5	Min
Saya suka menghadiri program berkaitan bahasa Melayu.	0 0%	4 8%	8 16%	23 46%	15 30%	3.98
Saya berminat untuk mengetahui maklumat berkaitan isu bahasa Melayu.	0 0%	0 0%	1 2%	31 62%	18 36%	4.34
Saya menggunakan bahasa Melayu dalam pertuturan saya.	0 0%	0 0%	0 0%	10 20%	40 80%	4.8
Saya fasih bertutur dalam bahasa Melayu.	0 0%	0 0%	0 0%	9 18%	41 82%	4.82
Saya mengutamakan bahasa Melayu dalam perbualan saya.	0 0%	0 0%	5 10%	15 30%	30 60%	4.5
Saya bersedia menggunakan bahasa Melayu dengan sebaiknya.	0 0%	0 0%	10 20%	19 38%	21 42%	4.22
Saya bertutur dalam bahasa Melayu di rumah.	0 0%	0 0%	0 0%	9 18%	41 82%	4.82
Saya membaca surat khabar/ majalah/ buku dalam talian yang berbahasa Melayu.	0 0%	13 26%	5 10%	17 34%	15 30%	3.68
Saya berminat untuk menyertai program/ bengkel/ kursus berkaitan bahasa Melayu.	0 0%	0 0%	1 2%	30 60%	19 38%	4.42
Saya berusaha untuk menyertai program/ bengkel/ kursus berkaitan bahasa Melayu.	0 0%	5 10%	8 16%	25 50%	12 24%	3.88
Keseluruhan						4.34 6

## VI. PERBINCANGAN

Sikap Guru Terhadap Program Peningkatan Profesionalisme untuk Meningkatkan Pengetahuan Bahasa Melayu Perbincangan ini adalah untuk menjawab soalan pertama iaitu adakah terdapat sikap guru dalam mendapatkan program peningkatan profesionalisme anjuran pihak luar? Bagi mengenal tahap sikap guru untuk memperoleh pengetahuan bahasa Melayu melalui program peningkatan profesionalisme daripada pihak luar dibahagikan kepada lima dimensi iaitu suka menghadiri program peningkatan profesionalisme, minat, sikap untuk menggunakan ilmu yang diperoleh pasca program, sikap sedia untuk menggunakan ilmu yang diperoleh daripada program, dan sikap untuk berusaha untuk menyertai sesuatu program luar untuk peningkatan profesionalisme.

Dapatan kajian ini menunjukkan bahawa sikap guru dalam program peningkatan profesionalisme anjuran pihak luar adalah sangat positif. Berdasarkan persepsi guru Bahasa Melayu menyatakan mereka suka menghadiri program berkaitan bahasa Melayu masih pada peringkat penting sebanyak 46% dan sangat penting 30%. Hal ini menunjukkan bahawa guru bahasa Melayu mempunyai sikap suka akan program-program peningkatan profesionalisme luar. Selain itu, minat guru Bahasa Melayu untuk mengetahui maklumat berkaitan isu bahasa Melayu adalah tinggi untuk penting dan sangat penting sebanyak 62% dan 36%. Oleh sebab guru berminat mengetahui maklumat berkaitan isu bahasa Melayu telah mendorong minat guru bahasa Melayu untuk menyertai program, bengkel, atau kursus berkaitan bahasa Melayu yang menunjukkan peratus yang sama.

Apabila sikap suka dan minat guru telah ada, guru bahasa Melayu didapati menggunakan bahasa Melayu dalam pertuturan mereka sebanyak 80% kerana menyatakan bahawa sebagai guru Bahasa Melayu mereka fasih dalam bahasa Melayu dan bertutur dalam bahasa Melayu di rumah iaitu sebanyak 82%. Hal ini menunjukkan guru bahasa Melayu mempunyai sikap yang sangat penting terhadap kepentingan bahasa Melayu. Namun, persepsi guru bahasa Melayu terhadap sikap untuk membaca surat khabar, majalah, dan buku dalam talian yang berbahasa Melayu adalah 30% untuk sangat penting dan 34% bagi penting boleh dikaitkan dengan sikap penduduk Malaysia terhadap pembacaan bahasa Melayu. Rumusannya, sikap guru Bahasa Melayu adalah tinggi untuk memperoleh dan menghadiri program peningkatan profesionalisme adalah tinggi dengan min 4.346.

## VII. RUMUSAN

Secara umumnya, kajian ini mengkaji sikap, kesediaan, dan pengetahuan guru dalam program peningkatan profesionalisme anjuran pihak luar. Kajian ini masih merupakan kajian baharu. Berdasarkan keseluruhan kajian, dapat dirumuskan bahawa guru komited untuk menghadiri kursus untuk mempertingkatkan keberkesanan PdPc mereka.

Sehubungan itu, kajian lanjutan dicadangkan untuk mengetahui dan mengenal pasti sejauh mana kepentingan dan kesan positif program peningkatan profesionalisme bukan rasmi membantu guru dalam mempertingkatkan pencapaian pelajar dan membantu meningkatkan minat pelajar dalam pembelajaran Bahasa Melayu.

RUJUKAN

- Dima Mazlina @ Siti Aisah Abu Bakar, Abdul Rasid Jamian & Shamsudin Othman. 2016. Keberkesanan teknik perkongsian ilmu dalam Komuniti Pembelajaran Profesional (KPP) terhadap peningkatan kemahiran mengajar karangan Bahasa Melayu. *Mahawangsa*, 3(2) : 247-259.
- Dufour R., Eaker R.E. (1998). Professional Learning Communities at Work. Solution Tree. North Richland Hills, TX, United States. Fecher, W.F., & Horowitz, R.B. (1991). Visionary Leadership Needed by All Managers. *Industrial Management*, 33 (4), 2-5.
- Ezwafahmey Ahmad Kusaini. 2018. Tahap kesediaan guru cemerlang bahasa Melayu terhadap pelaksanaan komuniti pembelajaran profesional di sekolah menengah negeri Melaka. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*. 8(1) : 63-73.
- Fariza et al. 2018. Penggunaan bahasa Melayu dalam pengurusan dan pentadbiran di Universiti Kebangsaan Malaysia. *Gema Online® Journal of Language Studies*. 18(1) : 176-197.
- Ghazali Darusalam & Sufean Hussin. 2018. *Metodologi penyelidikan dalam pendidikan: Amalan dan analisis kajian edisi kedua*. Kuala Lumpur: Universiti Malaya.  
[https://www.researchgate.net/publication/301730664\\_Penguasaan\\_Bahasa\\_Melayu\\_Penjawat\\_Awam\\_Kajian\\_Kes\\_di\\_Universiti\\_Teknikal\\_Malaysia\\_MT\\_UN/download](https://www.researchgate.net/publication/301730664_Penguasaan_Bahasa_Melayu_Penjawat_Awam_Kajian_Kes_di_Universiti_Teknikal_Malaysia_MT_UN/download)
- Jaggil Apak & Muhamad Suhaimi Taat. 2018. Pengaruh kesediaan guru terhadap pengurusan bilik darjah abad ke-21. *Malaysian Journal of Sosial Science and Humanities*. 3(4) : 6-22.
- Kementerian Pendidikan Malaysia. 2013. *Pelan pembangunan pendidikan Malaysia 2013-2025*. Putrajaya: Bahagian Pendidikan Guru.
- Lip Eng. 2018. Lip Eng cadang kursus bahasa untuk wakil rakyat tak dapat kredit BM. Dimuat turun pada 28 Mei 2019 daripada laman web <https://www.roketkini.com/2018/10/02/lip-eng-cadang-kursus-bahasa-untuk-wakil-rakyat-tak-dapat-kredit-bm/>.
- Melvina Chung Hui Ching & Jamaludin Badushah. (2010). Sikap guru bahasa Malaysia terhadap penggunaan Teknologi Maklumat dan Komunikasi (ICT) dalam pengajaran di sekolah-sekolah rendah Bintulu, Sarawak. *Jurnal Pendidikan Malaysia*. 35(1): 59-65.
- Mohamad Fadli. 2018. Maszlee umum kursus BM untuk wakil rakyat, senator. Di muat turun pada 28 Mei 2019 daripada laman web <https://www.freemalaysiatoday.com/category/bahasa/2018/09/28/maszlee-umum-kursus-bm-untuk-wakil-rakyat-senator/>
- Muhammad Faizal A.Ghani et.al. 2012. Pemimpin dan komuniti pembelajaran profesional. *Jurnal Pendidikan*. 31: 203-224.
- Mohd Anwar Patho Rohman. 2018. 4.4 Peratus Guru Stres. Di muat turun pada 28 Mei 2019 daripada laman web <https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2018/08/467001/44-peratus-guru-stres>
- Mohd. Shahzuan Ghazalan. 2015. Tahap kesediaan peserta program Pembelajaran Sepanjang Hayat (PSH) dalam kecenderungan menceburi keusahawanan di Kolej Komuniti negeri Johor. Laporan projek Sarjana Pendidikan Teknikal dan Vokasional, Fakulti Pendidikan Teknikal dan Vokasional Universiti Tun Hussein Onn Malaysia.
- Nor Kalsum Mohd Isa. 2016. Pengetahuan, sikap dan tingkah laku pelajar UPSI terhadap prinsip-prinsip kampus lestari. *Jurnal Perspektif*. 8(1):29-41.
- Nur Hawa Hanis Abdullah @ Ghazali Darsalam. 2018. Kesediaan guru melaksanakan kemahiran berfikir aras tinggi dalam pengajaran. *Jurnal Kurikulum & Pengajaran Asia Pasifik*: 22-31.
- Othman Lebar. 2018. *Penyelidikan kualitatif pengenalan kepada teori dan metode edisi kedua*. Perak: Penerbit Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- Rara Alfaqinisa. 2015. Hubungan antara tingkat pengetahuan, sikap, dan perilaku orang tua tentang pneumonia dengan tingkat kekambuhan pneumonia pada balita di Wilayah Kerja Puskesmas Ngesrep Kota Semarang tahun 2015. *Tesis sarjana kesehatan Masyarakat Jurusan Ilmu Kesehatan Masyarakat Fakultas Ilmu Keolahragaan, Universitas Negeri Semarang*.
- Rohaida Mazlan. 2017. Tahap pengetahuan, pemahaman, dan kesediaan guru Bahasa Melayu dalam melaksanakan kajian pengajaran. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu-JMBM (Malay Language Education Journal-MyLEJ)*. 7(2):30-40.
- Rosie Turner-Biseset. 2010. *Pengajaran pakar*. Kuala Lumpur: Institut Terjemahan Negara Malaysia.
- Siti Nafsiah Ismail et. al. 2018. Amalan komuniti pembelajaran profesional dalam kalangan guru bahasa Melayu di Selangor. *Jurnal Kepimpinan Pendidikan*, 5(4) : 1-19.
- Siti Nur Aisra Sugumarie Abdullah & Ahmad Zabidi@ Abdul Razak. 2014. Aspek kesesuaian latihan dalam perkhidmatan dan hubungannya dengan peningkatan profesionalisme keguruan. *Seminar KKPG 2014*: 1-18.
- Zuraida Abdullah. 2009. Pembentukan komuniti pembelajaran profesional: Kajian terhadap sekolah menengah di Malaysia. *Jurnal Manajemen Pendidikan*. 2(5): 78-96.